

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN 1

LATIHAN BAB 5 : APLIKASI TEKNOLOGI

5.2 Reka Bentuk Sistem Fesyen

5.2.1 Definisi reka bentuk fesyen

Jawab **semua** soalan dengan menggunakan **HURUF BESAR**.

1. Maklumat yang berikut merupakan istilah dalam reka bentuk fesyen.

A	Reka bentuk
B	Fesyen
C	Reka bentuk dan fesyen

Padankan definisi dengan istilah yang **betul** dengan menulis **A, B** dan **C** pada petak yang disediakan.

Subtopik 5.2

BUKU TEKS
ms. 134

- (a) Proses pengaplikasian idea pada reka bentuk bagi menghasilkan pakaian dan aksesori
- (b) Proses menterjemah idea dan kreativiti bagi menghasilkan sesuatu produk
- (c) Gaya atau stail serta tingkah laku yang diterima dan popular pada satu masa

2. Tandakan (/) bagi pernyataan yang **betul** berkenaan dengan reka bentuk fesyen.

Reka bentuk fesyen dipengaruhi oleh budaya dan sosial

Populariti reka bentuk fesyen bergantung pada umur, geografi, pekerjaan dan tempat

Penghasilan reka bentuk bergantung pada idea pereka yang unik

Reka bentuk fesyen sentiasa berubah dari semasa ke semasa

3. Tandakan (/) bagi **tiga** kerjaya dalam bidang reka bentuk fesyen.

(a) Pereka fesyen pakaian

(b) Peramal fesyen

(c) Perunding imej

(d) Perunding komunikasi

(e) Perunding pelancong

4. Berikut adalah berkaitan dengan kerjaya dalam reka bentuk fesyen.

A	Pereka fesyen
B	Peramal fesyen
C	Perunding imej
D	Tenaga pengajar fesyen

Lengkapkan jadual di bawah dengan menulis jenis kerjaya pada ruang jawapan yang disediakan.

Subtopik 5.2 BUKU TEKS m.s. 135

Skop kerja	Kerjaya
(a) Individu yang membuat analisis trend fesyen dari dahulu hingga sekarang	
(b) Individu yang bertugas sebagai penata gaya bagi tingkatkan imej dan personaliti pelanggan	
(c) Individu yang menyampaikan ilmu dan kemahiran berkaitan fesyen kepada pelajar	

5. Nyatakan kerjaya dalam bidang reka bentuk fesyen berdasarkan peranan berikut.

Memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pelanggan	
Menghasilkan lakaran reka bentuk fesyen pakaian dan aksesori	
Mengajar kemahiran menjahit dan ilmu berkaitan jahitan	

SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh

Pn Aniza Abdullah
Guru RBT,
SMK Dengkil, Sepang,
Selangor